

# TLDM: LUMUT JADI PUSAT OPERASI

Oleh MOHD NOH SENAN

KAWASAN hutan belantara 80 hektar (2,000 ekar) di Teluk Murok, Lumut, kini bertukar wajah menjadi Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Projek raksasa ini adalah lambang kebanggaan negara dan sangat penting bagi keselamatan negara.

Seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merangkap Menteri Pertahanan ketika melawat ke pangkalan tersebut, baru-baru ini:

"Pembinaan Pangkalan TLDM Lumut penting dari segi keselamatan negara untuk mengawal persisiran pantai Semenanjung yang panjang serta Sabah dan Sarawak yang dipisahkan oleh Laut China Selatan yang luas."

Dengan terbinanya pangkalan itu di tanah sendiri, anggota-anggota TLDM akan menjalankan segala operasi di pangkalan tersebut dan tidak lagi di Woodlands, Singapura.

Rakyat negara ini bersyukur dan bangga dengan adanya pangkalan itu di negara sendiri kerana ia lebih baik di tempat sendiri seperti latta pepatih, "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri."

Pangkalan TLDM Lumut merupakan satu pekan baru di daerah Manjong. Belanja pembinaan sekarang ialah \$1,400 juta dan dijangka siap selewat-lewatnya dalam tahun 1985.

Pangkalan ini dilengkapi dengan berbagai kemudahan termasuk tempat tinggal seperti rumah pangsa, rumah pegawai, hospital, bank, pasar, kedai, kompleks sukan dan berbagai lagi.

## Kompleks sukan

Sehingga ini, terdapat kira-kira 6,000 orang penduduk terdiri anggota dan keluarga TLDM yang berada di pangkalan.

Jumlah ini akan meningkat 40,000 orang bila anggota-anggota TLDM dari Woodlands berpindah ke pangkalan itu sehingga ia berjalan sepenuhnya.

Anggota-anggota yang berkhidmat di pangkalan sekarang terdiri pegawai dan anggota sekolah latihan yang dikawal sebagai KD Pelanduk, dibuka beberapa tahun lalu.

Sekolah ini diketuai oleh seorang Pegawai Memerintah, Kapten N.E. Peterson, merupakan satu cawangan yang pen-

ting bagi melahirkan para pegawai dan anggota pangkal rendah yang diperlukan oleh TLDM.

Sehingga ini, sekolah latihan itu mengeluarkan beribu anggota TLDM dan berkhidmat dalam berbagai cawangan yang terdapat di pangkalan.

Satu kemudahan yang agak istimewa di pangkalan itu ialah kompleks sukan lengkap dengan sebuah stadium, gymnasium, kolam renang bertaraf olimpik, padang hoki dan lain-lain.

Kompleks sukan itu dibina dengan harga \$20 juta dan stadium yang dibina itu boleh menampung seramai 20,000 penonton.

Kemudahan-kemudahan sukan yang disediakan adalah yang termoden jika dibandingkan dengan kompleks sukan lain dan sesuai untuk diadakan acara-acara sukan bertaraf antarabangsa.

Berlisteri-isteri anggota TLDM, mereka tidak dilupakan dan disediakan sebuah rumah yang dikenali sebagai Wisma Bakat. Wisma Bakat adalah pusat tempatan isteri-isteri anggota mengadakan kegiatan seperti kursus agama, jahit menjahit, ma-

sak memasak dan sebagainya.

Anggota-anggota TLDM, sejak mereka menetap di Lumut, memang giat melibatkan diri dalam kerja-kerja amal terutama gotong-royong dan sebagainya.

Tidak kira anggota lelaki ataupun perempuan, mereka dengan rela hati berkhidmat sehingga mampu menyumbangkan tenaga kepada penduduk-penduduk kampung.

Di musim perayaan seperti Hari Raya Pusa dan lain-lain, mereka menyediakan bungkusan makanan kepada pesakit-pesakit di hospital dan juga untuk orang-orang miskin.

Projek pangkalan TLDM bermula dengan satu kajian kesesuaian yang telah dijalankan dalam tahun 1970.

Berlantikan itu, setelah mendapat ketulusan Kerajaan, satu upacara memecah tanah dilakukan dalam tahun 1974 sementara kerja-kerja ulung ialah pembinaan jalan raya dalam tahun yang sama dan siap dalam tahun 1975.

## Kontrak

Kerja-kerja rekabentuk tertentu juga pengawasan kerja-kerja pembinaan berbagai projek di pangkalan Lumut termasuk kontrak-kontrak telah diserahkan kepada sebuah syarikat Jerman Barat.

Dalam tahun 1977 pula, satu kontrak diikat dengan sebuah lagi syarikat perunding juga dari Jerman Barat untuk projek limbungan TLDM.

Kerja-kerja awal projek berharga kira-kira \$600 juta ini dijangka bermula tahun ini dan dijangka siap selewat-lewatnya tahun 1984.

Urusan tender sedang giat dijalankan untuk projek-projek seperti depoh logistik, pejabat-pejabat pentadbiran, depoh bekalan, hospital dan lain-lain.

Setakat ini, kemajuan projek pangkalan yang sudah tercapai ialah, pusat latihan (KD Pelanduk) 90 peratus, rumah kediaman kejam 70 peratus, tempat kedudukan bujang 60 peratus, kompleks sukan 70 peratus, tempat simpan peluru 60 peratus sementara markas operasi yang bermula dalam bulan Ogos 1981 berjalan mengikut jadual.



DATUK Seri Dr. Mahathir dengan penuh minat melihat salah satu alat yang digunakan oleh anggota TLDM Lumut dalam latihan bidang kejuruteraan ketika melakukan lawatan ke KD Pelanduk, baru-baru ini.



SAMBUTAN dari pemuda-pemuda untuk menjadi pahlawan negara memberangsangkan. Ribuan yang memohon untuk menjadi anggota TLDM.

